

BAB IV

KEJAYAAN INSTITUSI DAKWAH DALAM MENANGANI MURTAD

4.1 PENDAHULUAN

Pada bab yang keempat ini, penulis akan membentangkan hasil penganalisaan data terhadap sumbangan-sumbangan institusi dakwah yang dikaji dari aspek kejayaan mereka dalam menangani masalah murtad. Ini kerana institusi-institusi dakwah yang dikaji telah beroperasi melebihi belasan tahun, maka sudah pastilah untuk tempoh yang sebegitu matang, institusi-institusi dakwah terbabit telah banyak memberi sumbangan kepada ummah khususnya dalam menangani masalah murtad.

Namun, untuk mengukur secara tepat kesan kejayaan dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh institusi-institusi dakwah yang dikaji adalah suatu perkara yang agak sukar, memandangkan sebahagian besar aktiviti-aktiviti yang dijalankan hanya dapat dilihat kesannya dalam jangka masa yang lama dan panjang. Oleh yang demikian, di dalam perbincangan mengenai kejayaan institusi-institusi dakwah ini, kesan-kesan kejayaan yang akan dibincangkan ialah kesan-kesan yang terzahir untuk tempoh jangka masa pendek dari aspek pengislaman saudara baru dan istiqamah mereka dengan Islam, pembatalan hasrat ingin murtad oleh individu muslim yang bermasalah, bertambahnya penghayatan dan kefahaman Islam masyarakat Islam di Malaysia, meningkatnya kepekaan masyarakat Islam terhadap isu murtad, wujud keprihatinan kerajaan dalam menggubal undang-undang murtad hasil dari gesaan institusi dakwah, ditambah

keprihatinan instansi dakwah dalam menyekat penyebaran fahaman akidah yang lain daripada Islam dan sebagainya.

4.2 SUMBANGAN DAN KEJAYAAN

Pada bab ketiga, penulis telah membentangkan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh institusi dakwah bagi masalah murtad khususnya. Usaha-usaha itu walaupun belum mencapai ke tahap maksima, tetapi sumbangan itu memberi hasil dalam beberapa aspek kejayaan, di antaranya ialah:

4.2.1 Peningkatan keprihatinan umat Islam dan golongan pendakwah terhadap isu murtad

JAKIM telah menganjurkan beberapa seminar murtad di peringkat kebangsaan. Seminar yang dihadiri oleh wakil-wakil setiap institusi dakwah di Malaysia ini menjadi satu ruang untuk para pendakwah Islam menyuarakan pandangan dan seterusnya menyusun langkah-langkah yang terbaik untuk mengatasi masalah murtad. Seminar-seminar seumpama ini turut mendedahkan kepada wakil-wakil seminar mengenai fenomena murtad yang berlaku di dalam masyarakat Islam. Pendedahan seperti ini dianggap dapat menyedarkan masyarakat Islam terhadap ancaman murtad. Sensitiviti ini adalah perlu bagi setiap muslim agar mereka mempunyai rasa tanggungjawab untuk memelihara akidah diri dan keluarga mereka.

JAKIM juga pernah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menangani isu murtad ini. Jawatankuasa ini menggabungkan beberapa tenaga ulama dan profesional

seperti anggota polis, peguam, ahli majlis fatwa dan sebagainya untuk memastikan gerak kerja mendapat kerjasama yang menyeluruh agar ia lebih mantap dan berkesan.¹ Usaha ini sekurang-kurangnya telah menjana kepekaan dan keprihatinan masyarakat Islam dalam kepelbagaian lapisan.

Bagi ABIM pula, selain daripada menganjurkan seminar-seminar berkenaan dengan isu murtad, ABIM juga membuat liputan akhbar yang bertujuan untuk menyedarkan orang ramai agar mereka menyedari bahaya jenayah murtad ini. Tambahan dari itu, ABIM telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan mengemukakan beberapa pandangan dan gesaan kepada pihak yang berwajib agar masalah ini diatasi secara bijaksana oleh semua pihak. Sekurang-kurangnya, gesaan-gesaan daripada institusi-institusi dakwah seperti ABIM, JAKIM dan orang ramai akan mempercepatkan usaha membuat draf murtad di peringkat kebangsaan.

Ketiadaan draf undang-undang murtad ini dianggap sebagai halangan yang besar untuk menyelesaikan masalah murtad. Salleh Buang dalam tulisannya pada sudut peguam, akhbar Utusan Malaysia, menyatakan rasa kecewa beliau kerana undang-undang pentadbiran agama Islam negeri dan kebangsaan masih di takuk yang lama dan longgar. Kelonggaran ini menyebabkan ada sesetengah pihak yang telah mengambil kesempatan.

¹ Wawancara bersama Ustaz Abd. Hamid bin Jusoh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Akidah, JAKIM, pada 15 September 1999.

Beliau mengemukakan contoh beberapa orang pengamal undang-undang sivil yang tidak keberatan memberi khidmat nasihat dan guaman kepada sesiapa sahaja yang ingin keluar daripada agama Islam.²

Bahagian Penyelidikan JAIS turut melakukan penyelidikan terhadap masalah murtad yang berlaku di Negeri Selangor. Hasil daripada penyelidikan tersebut, satu kertas laporan telah dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Majlis Dewan Diraja Selangor dan satu mesyuarat khas untuk membincangkan kes-kes murtad telah dilaksanakan.

Sebenarnya, komentar yang diterima dari pelbagai lapisan masyarakat ini menunjukkan bahawa usaha institusi dakwah untuk mendedahkan isu murtad kepada orang ramai telah memberi impak yang cukup baik. Sekurang-kurangnya, suara-suara yang ingin kepada pencegahan murtad dari sudut undang-undang telah sampai kepada pihak yang berwajib dan diambil tindakan yang sebaiknya.

4.2.2 Pemulihan Aqidah

Bahagian Akidah dan Falsafah Jakim bertanggungjawab menjalankan penyelidikan terhadap kes-kes murtad. Menurut Ketua Penolong Pengarahnya, beberapa responden kes murtad telah dirujuk kepada unit Firqah untuk proses kaunseling dan pemulihan akidah. Responden seterusnya dirujuk kepada Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) untuk mengikuti kursus-kursus kefahaman dan penghayatan Islam.

² Sudut Peguam Menulis, *Utusan Malaysia*, 27 Januari 1998.

Melalui program seperti ini, individu muslim yang berhasrat untuk menukar agama mendapat khidmat nasihat dan bantuan dalam mengatasi masalah mereka. Sehingga tahun 1998, lebih 200 individu muslim yang bermasalah pada aqidah mereka telah dipulihkan oleh institut ini.³

JAIS turut memainkan peranan dalam usaha memulihkan akidah beberapa individu muslim yang murtad. Beberapa sesi kaunseling telah dikendalikan oleh Unit Penyelidikan JAIS dan hasilnya, lebih 8 kes murtad telah dapat diselesaikan secara aman dan sukarela sepanjang tahun 1997-1999. Malah, responden turut ditempatkan di Kem Pemurnian Akidah di Ulu Yam Baru untuk proses pemantapan akidah⁴.

4.2.3 Pengislaman saudara baru dan program kebajikan

Usaha mengislamkan golongan non-muslim ini adalah sangat terpuji dan harus dilihat dari beberapa sudut. Pertama, peningkatan jumlah saudara baru adalah memberangsangkan dan kedua, daripada jumlah tersebut, beberapa usaha juga harus disusun untuk memastikan mereka istiqamah dengan Islam dan cuba mengatasi masalah-masalah yang sering menjadi punca seseorang saudara baru itu murtad.

Menurut statistik yang dibuat oleh PERKIM pada tahun 1995, menunjukkan bahawa pada tahun 1994 sahaja, seramai 419 orang bukan Islam telah memeluk agama Islam. Daripada jumlah tersebut 129 orang daripadanya berbangsa Cina (30 %), 121

³ *ibid*

⁴ Wawancara bersama Ustaz Abd. Malek bin Ramli, *loc.cit*

orang berbangsa India (28 %), 14 orang berbangsa Sikh (3 %), 6 orang Asli (2 %), 5 orang berbangsa Serani (1 %) dan 149 orang dari lain-lain bangsa (35 %).⁵

Daripada jumlah tersebut, beberapa saudara baru ada menyatakan keinginan untuk kembali kepada agama asal. Namun, setelah menjalani sesi kaunseling mereka menetapkan pendirian untuk terus menganut Islam. PERKIM juga bertanggungjawab meringankan masalah yang menjadi punca golongan saudara baru terbabit ingin meninggalkan Islam seperti masalah kewangan, masalah pekerjaan dan kekurangan pengetahuan terhadap agama Islam. Ia juga menjadi sebab, menurut Ustaz Amran Abdullah, Pegawai Dakwah PERKIM, golongan saudara baru yang memberi komitmen dengan PERKIM mempunyai potensi yang sangat tinggi untuk istiqamah dengan Islam kerana PERKIM menyediakan aktiviti-aktiviti yang membantu memantapkan akidah dan kehidupan mereka. Sebaliknya, golongan saudara baru yang banyak dilaporkan murtad adalah daripada sebahagian saudara baru yang tidak lagi menghubungi PERKIM dan memberi komitmen kepada PERKIM.⁶

Usaha yang sama turut dilaksanakan oleh Islamic Outreach ABIM dan Unit Ukhuwah Saudara Baru, JAWI. Menurut Setiausaha Islamic Outreach ABIM, Saudara Zulfikri bin Omar, Islamic Outreach telah membimbing ratusan saudara-saudara baru semenjak beroperasi dan telah berjaya mengatasi beberapa kes saudara baru yang berhasrat untuk meninggalkan Islam.

⁵ PERKIM, *Buku Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM*, Peringkat Kebangsaan kali ke 34, hlm. 71

⁶ Wawancara dengan Ustaz Amran Abdullah, Pegawai Dakwah PERKIM di Pejabat PERKIM Kebangsaan, Jln. Ipoh, Kuala Lumpur pada 14 Oktober 1999.

Bagi Unit Ukhuwah Saudara Baru, segala usaha yang dilaksanakan samaada berbentuk bimbingan, pendidikan dan kebajikan adalah bertujuan untuk memberi keyakinan kepada saudara baru dalam meneruskan kehidupan sebagai seorang Muslim. Lantaran itu, kes-kes saudara baru yang berhasrat untuk murtad biasanya dapat diatasi dengan kaunseling dan bantuan kebajikan.⁷

2.4.4 Melahirkan Pelapis Dakwah

Melalui penubuhan IDIP, PERKIM telah berusaha melatih kader dakwah yang akan menjalankan dakwah setelah tamat pengajian terutama kepada keluarga, saudara mara serta masyarakat sebangsa dengan mereka. Ini kerana penuntut-penuntut IDIP terdiri dari perbagai lapisan bangsa yang bertutur dalam bahasa-bahasa yang tersendiri. Penuntut-penuntut di IDIP ini dibekalkan dengan kemahiran dakwah secara teori dan praktikal. Mereka mempunyai potensi untuk menjadi pendakwah Islam yang boleh menjadi tempat rujukan saudara-saudara baru yang sebangsa kerana keupayaan mereka berinteraksi dalam bahasa yang sama.

Sekurang-kurangnya, PERKIM telah melahirkan lebih 100 orang pendakwah dalam tempoh setahun. Jumlah ini menjadi pengukur kejayaan yang telah dihasilkan oleh PERKIM dalam memastikan kemantapan iman golongan saudara baru seterusnya mengelakkan mereka dari murtad.

Kejayaan yang sama dihasilkan oleh YADIM melalui Kursus Belia Dakwah Negara yang dianjurkan secara bulanan. YADIM memilih belia-belia yang berwibawa

⁷ Wawancara bersama Ustaz Yusuf Mamat, 26 Januari 2000

untuk menjalani kursus perkaderan yang bertujuan membina peribadi para belia agar layak untuk memikul tanggungjawab du'at dan mengisi dada mereka dengan ilmu-ilmu fardu 'ain.

2.4.5 Meringankan beban keluarga mangsa murtad

Usaha untuk meringankan beban yang ditanggung oleh keluarga mangsa murtad telah dilakukan oleh ABIM. ABIM berusaha untuk meringankan beban dari segi mental, tekanan perasaan dan ekonomi melalui penyediaan beberapa pakar profesional dalam bidang tersebut. Ini termasuk membantu meringankan tanggungan kos guaman terhadap kes-kes yang dirujuk kepada mahkamah.⁸

Kes Aisyah Bokhari, sebagai contoh, ABIM telah bertindak membantu kos guaman keluarga tersebut dan memberi khidmat pakar psikologi kepada ibu dan ayah Aisyah seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Presiden ABIM, saudara Abdul Halim Ismail dalam wawancara bersama beliau pada 5 Februari 2000.

Kesimpulannya, usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh institusi-institusi dakwah dalam membendung masalah murtad tetap memberi hasil dari sudut-sudut yang berbagai. Oleh yang demikian, penulis beranggapan sekiranya institusi-institusi dakwah tersebut mempertingkatkan lagi usaha dalam agenda bertindak mereka, sudah pasti kejayaan yang dicapai akan lebih besar dan bermakna khusus untuk membendung masalah murtad agar tidak berleluasa.

⁸ *ABIM dan isu-isu murtad*, edisi khas, 20 April 1998, percetakan ABIM, hlm. 35